

**TERAS FALSAFAH DALAM PEMBENTUKAN
KONSEP PERAKAUNAN ISLAM**

NORAZITA MARINA BINTI ABDUL AZIZ

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**TERAS FALSAFAH DALAM PEMBENTUKAN
KONSEP PERAKAUNAN ISLAM**

oleh

NORAZITA MARINA BINTI ABDUL AZIZ

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2022

PENGHARGAAN

Bismillahi rahmannirrahim.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah mengizinkan dan mentadbir segala urusan dalam menghasilkan tesis ini. Segala pembelajaran dan pengalaman dalam menghasilkan tesis ini pasti terakam sebagai sebuah pengalaman yang indah dan dikenang sepanjang hayat. Di penghujung usia, menyiapkan sebuah tesis memerlukan kekuatan hati dan pergantungan yang teguh kepada Ilahi. Tanpa-Nya, pasti tesis ini tidak akan dapat dihasilkan. Semoga usaha menuntut keilmuan ini semakin membuah hasil bagi kemanfaatan keluarga, ummah dan kegemilangan agama Islam khasnya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan buat penyelia utama Prof. Madya Dr. Fadzila Azni Ahmad dan penyelia bersama Dr Murni Yusoff atas bimbingan, tunjuk ajar, inspirasi, semangat dan nasihat sepanjang perjalanan pengajian ini. Terima kasih juga kepada Profesor Kehormat, Prof. Syukri Muhammad Salleh, Prof. Madya Kehormat, Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari, dan para pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) yang banyak memberi dorongan dan sokongan dalam perjuangan keilmuan ini. Sesungguhnya Allahumma Ya Rahman Ya Rahim Ya Wadud, Yang Maha Pengasih, Yang Maha Penyayang, Yang Maha Pencinta, jualah sebaik-baik pemberi rahmat dan ganjaran.

Jutaan terima kasih kepada para informan dan pakar bidang dalam memberi input, maklum balas dan pandangan bagi mencapai matlamat kajian ini. Tidak lupa juga buat semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam memberi buah fikiran bagi menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali, penghargaan yang teristimewa buat suami, Ustaz Alim Talib dan anakanda berdua, Ahmad Atif Alim dan Anis Marissa Alim, yang terlalu banyak berkorban masa, ruang dan tenaga sepanjang perjuangan menyiapkan dan menghasilkan tesis ini. Dari mula sehingga ke penghujung perjuangan ini, iringan doa dan sokongan kalian menjadi pengukuh dan penguat usaha untuk terus menuju ke noktah yang terakhir. Semoga Allah SWT mengasihi dan merahmati kita sehingga ke syurga-Nya. Terima kasih juga rakan taulan di ISDEV dan sahabat karib yang banyak memberikan dorongan dan sokongan dalam mengharungi perjalanan keilmuan ini. Hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalas budi dan jasa yang telah diberikan.

“Ilmu bagaikan haiwan buruan, dan tulisan diibaratkan tali pengikatnya.
Oleh itu, ikatlah haiwan buruan dengan tali yang kuat. Ia merupakan satu
kebodohan jika engkau berburu kijang, setelah ia berjaya ditangkap,
kamu biarkan ia tanpa diikat.”
(Imam al-Syafi’i)

Norazita Marina Abdul Aziz
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
ABSTRAK	xvii
ABSTRACT	xix
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Perakaunan Islam	10
1.2.2 Perkembangan Perakaunan Islam di Malaysia.....	14
1.3 Pernyataan Masalah	20
1.4 Objektif Kajian.....	30
1.5 Persoalan Kajian	31
1.6 Definisi Operasional	32
1.6.1 Konsep Perakaunan.....	33
1.6.2 Teras Falsafah Islam	34
1.6.3 Perakaunan Islam	34
1.7 Skop Dan Batasan Kajian	38
1.8 Kepentingan Kajian	41
1.9 Sumbangan Kajian	43

1.9.1	Sumbangan Aspek Teoretikal	44
1.9.2	Sumbangan Aspek Praktikal	46
1.10	Organisasi Tesis	47
1.11	Kesimpulan	48
BAB 2 KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA		49
2.1	Pengenalan	49
2.2	Kajian Lepas	49
2.2.1	Kajian Perakaunan Islam	50
2.2.2	Kajian Berkaitan Pelaporan Sosial dan Korporat	59
2.2.3	Kajian Berkaitan Institusi Islam.....	61
2.2.4	Kajian Berkaitan Kebertanggungjawaban	62
2.2.5	Analisis Kajian Lepas	65
2.3	Sorotan Karya	67
2.3.1	Perakaunan Islam	68
2.3.2	Kritikan Terhadap Perakaunan Konvensional	71
2.3.3	Perbezaan Perakaunan Konvensional dan Perakaunan Islam Dari Sudut Falsafah.....	77
2.4	Konsep Perakaunan Islam.....	84
2.5	Kerangka Konseptual Kajian	92
2.6	Kesimpulan	95
BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN.....		96
3.1	Pengenalan	96
3.2	Reka Bentuk Kajian	96
3.3	Kaedah Pengumpulan Data.....	100

3.3.1	Pengumpulan Maklumat Berasaskan Sumber Utama Islam	102
3.3.1(a)	Tafsir bi al-Ma'tsur	103
3.3.1(b)	Tafsir bi al-Ra'yi.....	104
3.3.1(c)	Tafsir Isyari.....	105
3.3.2	Pengumpulan Data Primer	107
3.3.2(a)	Temu Bual Separa Berstruktur	108
3.3.2(b)	Pemilihan Informan Pakar	111
3.3.2(c)	Soalan Temu Bual.....	117
3.3.2(d)	Kajian Rintis	120
3.3.3	Pengumpulan Data Sekunder	124
3.3.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data.....	128
3.4	Kaedah Penganalisisan Data	130
3.4.1	Kaedah Analisis Kandungan Kualitatif	131
3.4.2	Instrumen Analisis	132
3.5	Tatacara Kajian	137
3.6	Kesimpulan	141
BAB 4 TERAS FALSAFAH ISLAM DALAM PERAKAUNAN ISLAM.....		142
4.1	Pengenalan	142
4.2	Teras Falsafah Islam	143
4.3	<i>Tasawur</i> Perakaunan Islam	146
4.4	Ontologi Perakaunan Islam.....	152
4.4.1	Pandangan Mengenai Pentafsiran Aset dan Kontrak.....	157
4.5	Epistemologi Perakaunan Islam.....	162
4.5.2	Sumber Ilmu Pengetahuan	171

4.5.3	Ilmu Perakaunan Islam	174
4.6	Aksiologi Perakaunan Islam	175
4.6.1	Etika Dan Moraliti Bagi Pembentukan Konsep Perakaunan Islam .	177
4.7	Teras Falsafah Islam Dalam Konsep Perakaunan Islam	179
4.8	Rumusan Teras Falsafah Dalam Pola Perakaunan Islam.....	214
4.9	Kesimpulan	217
BAB 5 KONSEP PERAKAUNAN ISLAM BERDASARKAN TERAS		
FALSAFAH ISLAM.....218		
5.1	Pengenalan	218
5.2	Konsep Perakaunan Islam Berdasarkan <i>Tasawur</i> Islam	219
5.2.1	Konteks Ketauhidan Kepada Allah SWT (Uluhiyyah).....	220
5.2.2	Konteks Keesaan Ilahi (Rububiyah)	224
5.2.3	Konteks Akauntabiliti kepada Allah SWT dan MakhluK	229
5.3	Konsep Perakaunan Islam Berdasarkan Ontologi Islam.....	251
5.3.1	Konteks Iman	258
5.3.2	Konteks Takwa Kepada Allah SWT	262
5.3.3	Konteks Ikhlas Kepada Allah SWT.....	264
5.3.4	Konteks Ibadat dan Tanggungjawab Terhadap Allah SWT	270
5.3.5	Konteks Ikhtiar Bersungguh-sungguh	273
5.3.6	Konteks Amanah kepada Allah SWT	275
5.3.7	Konteks Sifat Elemen Manusia.....	279
5.3.8	Konteks Sifat Elemen Pengukuran	282
5.4	Konsep Perakaunan Islam Berdasarkan Epistemologi Islam.....	284
5.4.1	Konteks Sumber Ilmu	285

5.4.2	Konteks Kebenaran Ilmu	290
5.4.3	Konteks Hikmah	294
5.4.4	Konteks Had Ilmu	297
5.5	Konsep Perakaunan Islam Berdasarkan Aksiologi Islam (Etika Dan Moraliti Kepada Allah SWT).....	298
5.5.1	Konteks Ihsan.....	299
5.5.2	Konteks Kejayaan (Al-Falah)	303
5.5.3	Konteks Rezeki	309
5.5.4	Konteks Keberkatan.....	315
5.5.5	Konteks Halal Haram.....	326
5.6	Konsep Perakaunan Islam Berdasarkan Aksiologi Islam (Etika Dan Moraliti Kepada MakhluK).....	329
5.6.1	Konteks Ikhtiar Sebagai Hamba dan Khalifah.....	334
5.6.2	Konteks Tanggungjawab Terhadap MakhluK	337
5.6.3	Konteks Amanah Terhadap MakhluK	338
5.6.4	Konteks Keadilan.....	343
5.6.5	Konteks Kesaksamaan	351
5.6.6	Aksiologi Nilai Pengukuran Transaksi Halal	353
5.6.7	Aksiologi Nilai Sumber Kewangan Zakat	356
5.7	Huraian Teras Falsafah Islam (Konsep Perakaunan Islam)	360
5.8	Kesimpulan	368
	BAB 6 PEMBENTUKAN KONSEP PERAKAUNAN ISLAM.....	370
6.1	Pengenalan	370
6.2	Prinsip Perakaunan Islam Berdasarkan Teras Falsafah Islam	371

6.2.1	Penulisan Jelas	377
6.2.2	Keseimbangan Perhitungan Dan Tahap Material	380
6.2.3	Ketetapan Ukuran dan Rekod Penghutang	381
6.2.4	Ukuran Kewangan	385
6.2.5	Rekod Sejarah dan Entiti Berasingan	387
6.2.6	Pendedahan Penuh Pelaporan	390
6.3	Ciri Perakaunan Islam Berdasarkan Teras Falsafah Islam.....	392
6.3.1	Sumber Rujukan.....	396
6.3.2	Aktiviti Berasaskan Syarak.....	397
6.3.3	Bersepadu Dan Multidimensi	399
6.3.4	Beretika Dan Berakhlak	400
6.3.5	Larangan Haram.....	402
6.3.6	Penilaian Semasa	404
6.4	Konsep Perakaunan Islam Berdasarkan <i>Tasawur</i> , Ontologi, Epistemologi Dan Aksiologi Islam.....	406
6.5	Kesimpulan	427
BAB 7 PENUTUP		428
7.1	Pengenalan	428
7.2	Penemuan Utama Dan Rumusan Kajian.....	428
7.3	Implikasi kajian dan cadangan dasar	455
7.3.1	Implikasi Teoretikal	455
7.3.2	Implikasi Praktikal	457
7.3.2(a)	Pembuat Dasar	457
7.3.2(b)	Pengamal Perakaunan Islam.....	458

7.4	Cadangan Kajian Masa Hadapan	459
7.5	Kesimpulan	464
	BIBLIOGRAFI	466

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Ringkasan Objektif Dan Persoalan Kajian..... 32
Jadual 2.1	Pembahagian Kluster Kajian Lepas dan Pengkaji..... 55
Jadual 2.2	Ringkasan Perbezaan Perakaunan Islam dan Konvensional... 77
Jadual 2.3	Perbezaan Perakaunan Konvensional dan Perakaunan Islam..... 80
Jadual 3.1	Bentuk Tafsir dan Judul Kitab Rujukan..... 107
Jadual 3.2	Profil Informan Kajian..... 114
Jadual 3.3	Senarai Temu Bual Bersemuka dengan Informan..... 119
Jadual 3.4	Pembentukan Kod dan Kategori dalam Analisis Kajian Kualitatif..... 135
Jadual 3.5	Ringkasan Kaedah Penyelidikan Berdasarkan Objektif dan Persoalan Kajian..... 138
Jadual 4.1	Pengelasan Teras Falsafah Islam..... 144
Jadual 4.2	Deskripsi Ontologi dan Hubungan Perakaunan Islam..... 155
Jadual 4.3	Perbezaan Utama dalam Asas dan Kesan Dalam Kontrak..... 159
Jadual 4.4	Penjelasan tentang Aset dan Pemilikan..... 161
Jadual 4.5	Deskripsi Epistemologi dan Hubungan Perakaunan Islam.... 170
Jadual 4.6	Pengelasan Teras Falsafah Islam..... 180
Jadual 4.7	Dapatan daripada Artikel Perakaunan Islam..... 192
Jadual 4.8	Petikan Temu Bual daripada Informan Pakar Falsafah..... 203

Jadual 4.9	Jadual Terjemahan al-Qur'an tentang Nilai Ketauhidan.....	209
Jadual 5.1	Pengelasan Tema Berdasarkan al-Qur'an	241
Jadual 5.2	Pengelasan Tema Berdasarkan Sumber Hadis.....	247
Jadual 5.3	Analisis Teori Beralas bagi Data Temu Bual.....	255
Jadual 5.4	Penganalisan Kajian Dokumen Bagi Konteks Sifat Elemen Manusia.....	280
Jadual 5.5	Penganalisan Kajian Dokumen Bagi Konteks Sifat Elemen Manusia.....	281
Jadual 5.6	Penganalisan Kajian Dokumen Bagi Konteks Sifat Elemen Pengukuran.....	283
Jadual 5.7	Penganalisan Kajian Dokumen Bagi Pendedahan Penuh dan Tanggungjawab Sosial.....	288
Jadual 5.8	Analisis Temu Bual Berkaitan Elemen Kebenaran.....	293
Jadual 5.9	Tema Konteks Hikmah.....	295
Jadual 5.10	Penganalisan Kajian Dokumen Bagi Konteks Had Ilmu.....	297
Jadual 5.11	Analisis Temu Bual Berkaitan Elemen Rezeki.....	311
Jadual 5.12	Pilihan Terjemahan Hadis Berkaitan Berkat.....	321
Jadual 5.13	Pilihan Terjemahan Ayat al-Qur'an Berkaitan Berkat.....	324
Jadual 5.14	Analisis Temu Bual Berkaitan Elemen Halal dan Haram.....	327
Jadual 5.15	Analisis Teori Beralas Melalui Temu Bual.....	332
Jadual 5.16	Tema Usaha Bersungguh daripada Terjemahan al-Qu'ran.....	335
Jadual 5.17	Tema Usaha Bersungguh daripada Terjemahan al-Qu'ran.....	340
Jadual 5.18	Analisis Temu Bual Berkaitan Elemen Kesaksamaan.....	352

Jadual 5.19	Penganalisan Kajian Dokumen bagi Konteks Nilai Pengukuran Transaksi Halal.....	355
Jadual 5.20	Penganalisan Kajian Dokumen bagi Konteks Nilai Sumber Zakat Kewangan.....	358
Jadual 5.21	Konsep Perakaunan Islam Berdasarkan <i>Tasawur</i> , Ontologi, Epistemologi dan Aksiologi Islam.....	362
Jadual 6.1	Ringkasan Prinsip Perakaunan Islam Berdasarkan Teras Falsafah Islam.....	372
Jadual 6.2	Ringkasan Ciri Perakaunan Islam Berdasarkan Teras Falsafah Islam.....	393
Jadual 6.3	Konsep Perakaunan Islam Berdasarkan <i>Tasawur</i> , Ontologi, Epistemologi dan Aksiologi Islam.....	410
Jadual 7.1	Konsep Perakaunan Islam Berdasarkan <i>Tasawur</i> , Ontologi, Epistemologi dan Aksiologi Islam.....	437

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Piramid Latar Belakang Kajian dan Isu Kajian..... 7
Rajah 1.2	Proses Perakaunan dan Pengguna Maklumat Kewangan..... 36
Rajah 2.1	Tinjauan Sorotan Karya Konsep Perakaunan Islam..... 87
Rajah 2.2	Kerangka Konseptual Kajian..... 93
Rajah 3.1	Pembahagian Kumpulan Informan Pakar Bidang..... 116
Rajah 3.2	Tatacara Pelaksanaan Kaedah Kajian..... 140
Rajah 4.1	Ringkasan Pemaknaan Elemen Dalam Teras Falsafah..... 145
Rajah 4.2	Pandangan Sejangat Islam dalam Pembentukan Perakaunan Islam..... 154
Rajah 4.3	Teras Falsafah Islam dalam Penjelasan Perakaunan Islam..... 179
Rajah 4.4	Teras Falsafah Islam dalam Konsep Perakaunan Islam..... 216
Rajah 5.1	Model Pembentukan Konsep Hisab dalam Perakaunan Islam Menerusi Teras Falsafah Islam..... 237
Rajah 5.2	Elemen bagi Konteks Kejayaan..... 308
Rajah 6.1	Prinsip Utama Dalam Pembentukan Konsep Perakaunan Islam..... 421
Rajah 6.2	Pembentukan Konsep Perakaunan Islam Berdasarkan Kepada <i>Tasawur</i> , Ontologi, Epistemologi, Dan Aksiologi Islam..... 426
Rajah 7.1	Pembinaan Sepuluh Prinsip Konsep Perakaunan Islam..... 436

SENARAI SINGKATAN

AAA	<i>American Accounting Association</i> (Pertubuhan Perakaunan Amerika)
AAOIFI	<i>Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions</i> (Organisasi Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam)
AICPA	<i>American Institute of Certified Public Accountants</i> (Institut Akauntan Awam Bertauliah Amerika)
APC	<i>Accounting Procedure Committee</i> (Jawatankuasa Prosedur Perakaunan)
BAFIA	<i>Banking and Financial Institutions Act</i> (Akta Perbankan dan Institusi Kewangan)
FASB	<i>Financial Accounting Standard Board</i> (Lembaga Standard Perakaunan Kewangan)
FRS	<i>Financial Reporting Standard</i> (Standard Pelaporan Kewangan)
GAAP	<i>Generally Accepted Accounting Practices</i> (Amalan Perakaunan Umum yang Diterima Pakai)
IAS	<i>International Accounting Standard</i> (Standard Perakaunan Antarabangsa)
IASB	<i>International Accounting Standard Board</i> (Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa)
IBZW	Institut Baitulmal, Zakat dan Wakaf
IFRS	<i>International Financial Reporting Standard</i> (Standard Pelaporan Kewangan Antarabangsa)
JAN	Jabatan Agama Negeri
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
LZNK	Lembaga Zakat Negeri Kedah
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri

MASB	<i>Malaysian Accounting Standard Board</i> (Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia)
MPERS	<i>Malaysian Private Entities Reporting Standard</i> (Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia)
MPSAS	<i>Malaysia Public Sector Accounting Standard</i> (Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia)
PERS	<i>Private Entity Reporting Standards</i> (Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian)
SFAC	<i>Statement of Financial Accounting Concepts</i> (Penyataan Konsep Perakaunan Kewangan)

TERAS FALSAFAH DALAM PEMBENTUKAN KONSEP PERAKAUNAN ISLAM

ABSTRAK

Perakaunan Islam merujuk kepada proses mengenal pasti, mengukur, dan mengkomunikasikan maklumat berdasarkan pandangan Islam dan mengikut undang-undang Syariah dalam membuat justifikasi dan keputusan untuk memenuhi kebajikan sosial dan redha Allah SWT. Daripada fasa pentafsiran dan pelaksanaan proses perakaunan Islam, timbul persoalan mengenai penggunaan dan pembangunan piawai perakaunan yang digunakan untuk merekodkan item aset, liabiliti, ekuiti pemilik termasuklah pendapatan dan perbelanjaan. Sistem perakaunan Islam masa kini diadaptasi daripada Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang digunakan oleh institusi Islam di Malaysia terutamanya Baitulmal, zakat dan wakaf. Oleh itu, wujud persoalan kajian mengenai pembentukan konsep perakaunan Islam berdasarkan teras falsafah Islam. Tesis ini mengandungi tiga objektif utama. Pertama, mengenal pasti teras falsafah Islam dalam konsep perakaunan Islam. Kedua, menganalisis konsep perakaunan Islam berasaskan teras falsafah Islam. Ketiga, merumuskan pembentukan model perakaunan Islam berasaskan teras falsafah Islam. Kajian ini dilaksanakan mengikut reka bentuk Teori Beralas yang meliputi dua fasa kajian empirikal dan teoretikal. Fasa kajian pertama, empirikal dijalankan bagi memperoleh data primer melalui temu bual bersemuka dengan pakar bidang terpilih. Fasa kedua, teoretikal, melibatkan kajian dokumen daripada data sekunder yang berkaitan dengan pembentukan konsep perakaunan Islam berdasarkan teras falsafah

Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa konsep perakaunan Islam masa kini tertumpu kepada elemen fizikal dan teknikal dan kurang penekanan terhadap elemen spiritual berasaskan kedudukan tauhid kepada Allah SWT. Analisis membuktikan konsep perakaunan Islam yang holistik dan lengkap mengikut tasawur, ontologi, epistemologi dan aksiologi Islam melalui sepuluh prinsip. Pola tersebut meliputi: Nilai pelaporan yang diluluskan oleh Syarak (P1); Pelaporan yang benar dan saksama (P2); Nilai etika dan moraliti kepada Allah SWT dan manusia (P3); Mematuhi perintah dan larangan Allah SWT (P4); Keadilan dalam membentuk konsep perakaunan Islam (P5); Implikasi akhlak dan spiritual yang baik (P6); Ihsan daripada Allah SWT (P7); Pengiktirafan dan pengukuran perakaunan Islam sifat amanah, adil dan saksama dalam diri insan (P8); Kebenaran dan keikhlasan kepada Allah SWT (P9); Matlamat kesejahteraan dunia dan akhirat (P10).

THE PHILOSOPHICAL STANCES IN CONSTRUCTING ISLAMIC ACCOUNTING CONCEPT

ABSTRACT

Islamic accounting is the act of gathering, analysing, and disseminating data based on Islamic principles and Sharia law to support reasons and judgments that serve the interests of society and Allah SWT. Questions about the application and advancement of accounting rules used to record items of assets, liabilities, and owner's equity, including revenue and expenses, originate from the interpretation and implementation phase of the Islamic accounting process. Islamic organisations in Malaysia, particularly Baitulmal, zakat, and waqf, follow the Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS), which are the basis for the modern Islamic accounting system. As a result, there is a study question on how the fundamental principles of Islamic philosophy were used to form the concept of Islamic accounting. There are three key goals for this thesis: First, locate the fundamental principles of Islamic philosophy in the Islamic accounting system. Second, analyse the Islamic accounting using the fundamental principles of Islam. Third, developing an Islamic accounting model based on the fundamental principles of Islam. The Grounded Theory design, which includes two phases of theoretical and empirical research, was used to conduct this study. Primary data were collected during the first empirical research phase through in-person interviews with chosen subject-matter experts. The study of documents from secondary sources connected to the development of Islamic accounting ideas based on the major tenets of Islamic philosophy is part of the second

phase, which is theoretical. Based on the monotheistic view of Allah SWT, the study's findings demonstrate that the current Islamic accounting paradigm places more emphasis on physical and technical factors than spiritual ones. Through 10 patterns, the study demonstrates the comprehensive and all-encompassing idea of Islamic accounting in accordance with Islam's *tasawur*, ontology, epistemology, and axiology. Reporting value approved by Syariah Law (P1); Truthful and fair reporting (P2); Ethical and moral values to Allah SWT and humans (P3); Obey the orders and prohibitions of Allah SWT (P4); Justice in shaping the concept of Islamic accounting (P5); Good moral and spiritual implications (P6); Courtesy of Allah SWT (P7); The recognition and measurement of Islamic accounting, the nature of trust, fairness, and equity in human beings (P8); Truth and sincerity to Allah SWT (P9); The goal of worldly and afterlife well-being (P10).

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Konsep perakaunan Islam perlu selari dengan perundangan syariah Islam bermula daripada merekodkan transaksi jual beli Islam yang patuh syariah. Perakaunan melibatkan proses dalam tiga fasa utama iaitu mendefinisikan perakaunan Islam yang merangkumi perkara mengklasifikasikan, merekodkan dan mengelaskan maklumat; kedua, pentakrifan yang meliputi perkara pengiktirafan dan pengukuran item aset, tanggungan dan ekuiti pemilik termasuk hasil dan belanja; dan ketiga, pelaksanaan iaitu komunikasi maklumat kewangan mengikut piawaian yang bersesuaian kepada pengguna dalam bentuk penyata kewangan. Secara umumnya, komunikasi penyata kewangan berbentuk perincian sumber ekonomi dalam unit mata wang yang berada di bawah kawalan pengurusan; pemilihan maklumat yang berkaitan dengan pengguna dan kebolehpercayaan maklumat perakaunan tersebut. Oleh yang demikian, merekodkan transaksi hutang dan urus niaga jual beli dalam sistem kewangan Islam perlu bebas daripada pengaruh riba, ketidaktentuan nilai, mengikut perkadaran halal dan haram serta bebas bebanan kewangan.

Selaras dengan keperluan ini, kajian ini dilaksanakan bagi membentuk konsep perakaunan Islam dan penggunaan sistem perakaunan Islam agar menjadi rujukan dan garis panduan oleh organisasi atau institusi Islam. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan bagi memenuhi objektif kajian iaitu pertama, mengenal pasti teras falsafah dalam pembentukan konsep perakaunan Islam. Kedua, menganalisis konsep

perakaunan Islam berasaskan teras falsafah yang meliputi *tasawur*, ontologi, epistemologi dan aksiologi Islam. Ketiga, merumuskan pembentukan model perakaunan Islam berasaskan teras falsafah yang meliputi *tasawur*, ontologi, epistemologi dan aksiologi Islam.

Bab ini meliputi bahagian penting dalam membincangkan kajian dalam pembentukan konsep perakaunan Islam. Bab ini membincangkan mengenai latar belakang kajian, objektif, pernyataan masalah, definisi operasional, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, sumbangan kajian dan diakhiri dengan kesimpulan. Bahagian seterusnya membincangkan pemerihalan latar belakang kajian, kaedah penyelidikan yang diguna pakai serta dapatan kajian.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Bahagian ini menjelaskan tentang sejarah ringkas mengenai perakaunan Islam secara keseluruhan, pendebatan yang dimaksudkan dalam menangani masalah tersebut dan rasional kajian ini perlu dilaksanakan (Faryadi, 2018; Gruba & Zobel, 2017). Bahagian latar belakang perlu mengandungi maklumat umum mengenai kajian penyelidikan dan menekankan tujuan utama kajian. Secara terperinci, perakaunan melibatkan proses merekodkan urus niaga dalam menetapkan amaun, tarikh dan tujuan jual beli tersebut dilaksanakan (Godfrey, Hodgson, Holmes, & Tarca, 2014).

Pelopor perakaunan konvensional merupakan Fra Luca Bartolomeo de Pacioli (tempoh hayat dari tahun 1447 sehingga 19 Jun 1517), merupakan seorang ahli matematik Itali. Luca bekerjasama dengan Franciscan Friar dan Leonardo da Vinci, sebagai

penyumbang awal terhadap bidang yang kini dikenali sebagai perakaunan. Luca dirujuk sebagai "Bapa Perakaunan dan Pembukuan" di Eropah dan dia adalah orang pertama yang menerbitkan karya mengenai sistem dua kemasukan buku di benua itu.

Summa de Arithmetica Geometria Proportioni et Proportionalita diterbitkan di Venice pada tahun 1494 merupakan buku teks untuk digunakan di sekolah di Utara Itali. Ia adalah sintesis pengetahuan matematik pada zamannya dan mengandungi karya bercetak pertama mengenai algebra yang ditulis dalam bahasa rasmi Itali pada masa itu. Buku ini meliputi penerangan pertama yang diterbitkan mengenai kaedah pembukuan yang digunakan oleh peniaga di Venice semasa Zaman Pembaharuan Itali, yang dikenali sebagai sistem perakaunan kemasukan catatan beregu.

Sistem yang diterbitkannya merangkumi sebahagian besar kitaran perakaunan seperti yang kita ketahui hari ini. Beliau menerangkan penggunaan jurnal dan lejar dan memberi amaran bahawa seseorang tidak boleh tidur pada waktu malam sehingga debit menyamakan kredit. Lejarnya mempunyai akaun untuk aset (termasuk penghutang dan inventori), liabiliti, modal, pendapatan, perbelanjaan dan kategori akaun yang dilaporkan pada penyata kewangan dan penyata pendapatan organisasi. Beliau menunjukkan penutupan penyata kewangan akhir tahun dan mencadangkan agar baki akhir digunakan untuk membuktikan lejar yang seimbang.

Perubahan evolusi perakaunan konvensional berlaku mengikut ilmuwan yang menguasai bidang pasaran sosioekonomi. Sebagai contoh, Adam Smith di mana Teori Ekonomi Adam Smith merupakan pasaran yang akan berfungsi dengan baik tanpa

pengaruh daripada kerajaan. Adam Smith dikenali terutamanya untuk satu karya, “An Inquiry into the Nature and Causes of the Wealth of Nations (1776)”, merujuk kepada sistem ekonomi politik komprehensif yang merangkumi penerangan Smith tentang sistem upah yang ditentukan pasaran dan bebas daripada perusahaan yang disekat oleh sistem kerajaan.” Mengikut undang-undang ini, bagi memenuhi permintaan dalam ekonomi pasaran, barangan yang mencukupi akan dihasilkan pada harga terendah, dan produk yang lebih baik akan dihasilkan pada harga yang lebih rendah disebabkan persaingan bagi meningkatkan keuntungan. Manakala, perakaunan Islam yang berteraskan kepada kebajikan sosial menumpukan perkongsian keuntungan untuk membangun ekonomi ummah. Hal ini akan dijelaskan di bahagian akhir sub-seksyen ini.

Secara amnya, perakaunan konvensional dijadikan asas sandaran dalam pembentukan perakaunan Islam dan mempunyai kelemahan dari sudut pengaplikasian dan keselarian berteraskan syariat Islam (Hassan, Aliyu, Huda, & Rashid, 2019). Antara faktor yang kelemahan perakaunan konvensional termasuklah isu tentang pandangan alam (ontologi¹ berdasarkan pemikiran Barat) dan falsafah Barat (Haniffa, 2002; Omar Abdullah, 2000; Shahul Hameed, 2001). Perakaunan yang dilaksanakan oleh pihak Barat banyak menekankan kepada prinsip dan peradaban pembangunan bercirikan

¹ Ontologi pemikiran Barat dalam perakaunan Islam berdasarkan kepada pemikiran Adam Smith. Adam Smith menulis buku, *An Inquiry into the Nature and Causes of the Wealth of Nations*, biasanya dikenali sebagai, *The Wealth of Nations*, adalah karya agung ahli ekonomi. Buku yang diterbitkan pada tahun 1776, menawarkan salah satu huraian terkumpul pertama di dunia tentang perkara yang membina kekayaan negara, dan kini merupakan karya asas dalam ekonomi klasik. Dalam era Revolusi Perindustrian, buku itu menyentuh topik yang luas seperti pembahagian buruh, produktiviti, dan pasaran bebas. Pemikiran ini berdasarkan kepada memaksimumkan keuntungan dan meningkatkan produktiviti. Walhal, dalam perakaunan Islam falsafah, kebajikan sosial dan sumbangan untuk kemanfaatan ummah diutamakan.


Barat (Abu-Zayd, 2010). Pandangan dan kaedah bagi perakaunan yang dibangunkan oleh pengkaji Barat berteraskan kepada pemikiran dan pemahaman agama Kristian dan hal ini tidak dapat diperjelaskan dalam perspektif Islam kerana Islam perlu berpaksikan kepada Undang-undang Syariah yang berdasarkan kepada teras falsafah Islam (Gambling & Karim, 1986; Tomkins & Karim, 1987). Teras falsafah ini perlulah berpandukan kepada tauhid yang ditekankan melalui pandangan *tasawur*, ontologi, epistemologi dan aksiologi Islam.

Antara kelemahan yang terdapat dalam perakaunan konvensional dan perakaunan Islam masa kini dapat dilihat dari segi kebenaran dalam kesetiaan representasi (*representation faithfulness*) (Elkhashen & Ntim, 2018), objektif perakaunan yang tidak dicapai kerana terdapatnya skandal atau penipuan dalam perakaunan (Chimonaki, 2021; Gassama, Sawarjuwono, & Hamidah, 2021; Jones & Stanton, 2021; Toms, 2019), ketidakstabilan isu mengenai kebenaran dalam pembentukan realiti sosial (Elkhashen & Ntim, 2018) dan bahasa teks antara insani dalam seni berkomunikasi (Alexander et al., 2018). Perbincangan mengenai nilai Nilai Masa Untuk Wang (*Time Value For Money*) dan Nilai Semasa (*Present Value*) penting diperjelaskan dalam perakaunan Islam kerana penentuannya tidak memenuhi prinsip dan ciri-ciri *Shariah* iaitu terdapat unsur riba dan *gharar* (Baehaqi, Birton, & Hudaefi, 2020a).

Dalam mengharmonikan sistem perakaunan konvensional dengan sistem perakaunan Islam masa kini yang berlandaskan kepada urus niaga Islam yang kompleks, piawaian perakaunan konvensional dijadikan asas adaptasi dan modifikasi dalam paragraf tertentu piawaian diguna pakai bagi menyesuaikan dalam konteks perakaunan Islam

(Mulawarman & Kamayanti, 2018b). Namun begitu, terdapat beberapa ketidaksesuaian dalam perbincangan piawaian perakaunan terutama dari segi asas akruan dan tunai yang diguna pakai bagi merekodkan transaksi di dalam institusi Islam yang menolak pelaporan yang terlibat dengan haram seperti riba, ketidakpastian, perjudian dan produk yang haram.

Rajah di bawah menunjukkan piramid latar belakang kajian bagi menjelaskan kedudukan kajian dan isu kajian. Permulaan perbincangan latar belakang kajian meliputi sistem perakaunan konvensional dan sistem perakaunan masa kini. Seterusnya perbincangan mengenai Piawaian Pelaporan Entiti Swasta Malaysia (MPERS) dan kemudian digantikan dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang digunakan bagi merekodkan transaksi entiti Islam di Malaysia. Di penghujung corong tersebut, kajian ini mengenal pasti isu pembentukan standard perakaunan Islam yang melibatkan teras falsafah akibat kelemahan sistem perakaunan konvensional. Pembentukan konsep perakaunan berteraskan Islam dilihat sebagai satu cabaran yang penting sebagai asas membentuk rangka kerja dan piawaian perakaunan menghadapi suasana perekonomian global dan kompleks (Zurina Shafii & Nurazalia Zakaria, 2013). Kenyataan ini ditunjukkan dalam rajah di bawah bagi menjelaskan mengenai kedudukan sistem perakaunan konvensional dan sistem perakaunan Islam.



Rajah 1.1: Piramid Latar Belakang Kajian dan Isu Kajian

Bagi memenuhi kehendak pelaporan institusi Islam, Sistem Piawaian MPERS dan MPSAS diperkenalkan yang menggunakan Islamisasi perakaunan mengikut pendekatan akomodatif-modifikasi. Walau bagaimanapun, terdapat isu dan kekangan dalam penggunaan piawaian ini. Isu penggunaan Piawaian Pelaporan Entiti Swasta Malaysia (MPERS) dan kemudian digantikan dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) oleh institusi Islam. Antara badan yang terkesan dengan perubahan ini ialah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Lembaga Zakat yang ditubuhkan oleh beberapa negeri, semuanya dikenali sebagai Institusi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf (IBZW)] iaitu terdapat percanggahan dalam penggunaan asas tunai

bertukar ke asas akruan. Isu pendefinisian, pengukuran dan pengiktirafan aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan perlu penjelasan lanjutan bagi penggunaan MPSAS sebagai alat penghubung antara perakaunan Islam masa kini bagi digunakan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Lembaga Zakat yang ditubuhkan oleh beberapa negeri, perlu dilihat dan dibincangkan dengan lebih lanjut.

Penggunaan MPSAS oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (IBZW) yang ditubuhkan oleh beberapa negeri perlu diselesaikan dengan mengaplikasikan ilmu yang berkaitan dengan perakaunan dan perundangan Islam yang menjadi asas fardu kifayah buat umat Islam. Hal ini berkaitan dengan asas utama dalam mentakrifkan aset yang diselenggarakan dan dipegang oleh MPSAS oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (IBZW). Namun begitu, terdapat beberapa kekangan dalam menggunakan MPSAS dan MPERS oleh institusi Islam.

Antaranya ialah piawaian perakaunan ini tidak mempunyai set piawaian yang betul bagi pengukuran, pengiktirafan dan pendedahan maklumat kewangan bagi transaksi perakaunan Islam yang rumit seperti mudarabah (perkongsian keuntungan), musharakah (perkongsian), bay (penjualan) dan ijarah (pajakan). Selain daripada itu, piawaian perakaunan masa kini tidak dapat menangani isu yang berkaitan dengan operasi transaksi Islam dan tidak mempunyai rangka kerja yang berdasarkan kepada undang-undang Syariah. Dengan kata lain, piawaian perakaunan ini tidak selari dengan ajaran Islam di mana zakat dan qard (akad pinjaman yang mesti dikembalikan dalam

jumlah yang sama pada masa yang dipersetujui) tidak dimasukkan di dalam penyata kewangan.

Pada masa kini, MPERS dan MPSAS yang diguna pakai hanya merupakan adaptasi dan modifikasi daripada piawaian perakaunan antarabangsa dan rangka kerja perakaunan Islam tidak dibangunkan. Penggunaan ini menimbulkan dua masalah iaitu pertama, penyediaan pelaporan perakaunan yang benar terutama dalam pelaporan yang mewakili kebenaran dalam mempamerkan realiti ekonomi. Kedua, objektif perakaunan tidak dicapai di mana terdapat penyalahgunaan kuasa dan hak kewangan serta timbulnya pelbagai skandal. Ketiga, kebenaran di mana Islam menekankan kebenaran sosial realiti yang berdasarkan wahyu bagi memenuhi tuntutan dalam hubungan hamba dan Allah SWT dan ini merupakan perkaitan dengan tasawur, ontologi dan epistemologi Islam. Keempat, rangka kerja yang berteraskan Islam bagi memenuhi keperluan yang dapat digunakan oleh akauntan Muslim selaras dengan undang-undang Syariah dan praktis bagi pengukuran dan pengiktirafan perakaunan.

Bagi menangani keperluan ini, penjelasan mengenai perakaunan Islam perlu dibincangkan bagi memperoleh maklumat mengenai kepentingan perakaunan Islam ini. Sumbangan terawal kajian lepas terhadap perakaunan Islam ialah Gambling dan Karim (1986) serta Tomkins dan Karim (1987), yang dipengaruhi oleh kajian Gambling (1974) dalam penulisan "*Societal Accounting*". Perakaunan Islam merupakan bidang penyelidikan yang penting dalam merekodkan sistem urus niaga termasuklah transaksi pendapatan, perbelanjaan, ekuiti pemilik dan liabiliti; bagi institusi yang berteraskan

entiti Islam terutamanya melibatkan aspek muamalat dan kewangan Islam (Nora'inan Bahari, 2014).

Di Malaysia, perbincangan dan kajian masih lagi diadakan bagi membentuk rangka kerja yang fleksibel sebagai garis panduan dalam membentuk piawaian perakaunan. Piawaian perakaunan merupakan satu sistem dasar yang selari untuk diguna pakai terhadap semua item perakaunan yang melibatkan rekod aset, liabiliti dan ekuiti pemilik (Ahmed Rauf, Aiffin, Yousif Alabdullah, & Zuqebah, 2016). Sehubungan dengan ini, kajian ini dilakukan bagi mengetengahkan konsep perakaunan Islam berdasarkan kepada teras falsafah Islam sebagai sandaran dalam pembentukan piawaian perakaunan di Malaysia.

Piawaian perakaunan merupakan dasar asas penentuan atau penilaian tatacara perakaunan bagi menentukan sama ada sesuatu urusan niaga harus direkodkan dan dikumpulkan ke dalam aset, liabiliti, modal, pendapatan dan perbelanjaan. Oleh itu, pembentukan konsep perakaunan Islam wajar dipertimbangkan bagi membangunkan rangka kerja konseptual perakaunan Islam yang berteraskan falsafah Islam yang merupakan '*spirit of accounting*' (Siswanto dan Shahul Hameed, 2013). Bahagian seterusnya membincangkan mengenai perakaunan Islam di Malaysia.

1.2.1 Perakaunan Islam

Perakaunan dalam bahasa Arab disebut sebagai 'al-Muhasabah' atau 'al-Hisab'. Ia bermakna mengira atau menyukat. al-Qur'an menyebut 'hasaba' sebanyak 48 kali (Muhammad Ghadaffi Hanafiah et al., 2015). Ilmu perakaunan merupakan pergerakan

dua bahagian iaitu keluar dan masuk wang atau harta. Proses perakaunan yang sempurna melibatkan penulisan merekodkan urusan niaga tersebut dengan teliti dan disusun rapi dalam buku daftar. Menurut, *American Accounting Association (AAA)* (1966) menyatakan perakaunan merupakan;

“Proses mengenal pasti, mengukur, menyebarkan maklumat berbentuk ekonomi untuk membolehkan pertimbangan berpengetahuan dan keputusan dibuat oleh pengguna-pengguna maklumat itu”

Sebaliknya, Muhammad Kamal 'Atiyah (1993) mendefinisikan perakaunan berdasarkan kepada hukum syariah sebagai:

“satu pengiraan hasil-hasil kerja yang halal menurut kaedah syarak dengan dilaksanakan berdasarkan perbandingan pendapatan dan kos”

Kedua-dua definisi ini menunjukkan ketelitian dan proses merekodkan sistem kewangan secara terperinci dan mengikut fasa tertentu sehingga maklumat ini digunakan dalam membuat keputusan. Bagi institusi berteraskan keperluan sosial dan penggunaan ekonomi Islam sebagai contoh institusi wakaf, memerlukan sistem merekodkan perakaunan Islam yang konsisten mengikut hukum syariah dan menggambarkan nilai Islam bagi setiap transaksi agar ia dapat digunakan untuk membuat keputusan yang sewajarnya (Muhammad Kamal 'Atiyah, 1993; Omar Abdullah, 2000).

Secara umumnya, perakaunan Islam masih lagi terbatas dari segi pembangunan dan penggunaannya di seluruh dunia (Gambling & Karim, 1986, 1991; Haniffa, 2002; Haniffa & Hudaib, 2004; Zurina Shafii & Nurazalia Zakaria, 2013). Daripada segi

kepatuhan syariah, pembangunan perakaunan Islam perlu berlandaskan peraturan Islam iaitu ia perlu bebas daripada elemen yang merangkumi riba, ketidakpastian (*gharar*), perjudian dan makanan haram (termasuklah arak dan khinzir) (Haniffa, 2002; Lewis, 2001, 2010).

Selain daripada itu, pegangan spiritual umat Islam terhadap “*hablum minallah, hablum minnas*”, iaitu hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia, menjadi teras kepada kebertanggungjawaban bagi keteguhan ummah. Bagi merealisasikan sifat kebertanggungjawaban terhadap pengguna pelaporan kewangan organisasi perniagaan, konsep perakaunan Islam dibentuk bagi memenuhi keperluan pembentangan pelaporan perakaunan kewangan yang telus dan sebenar tanpa maklumat tersembunyi selaras tuntutan syariat Islam (Haniffa, 2002; Haniffa & Hudaib, 2004; Harahap, 2003; Hasan & Siti Nabihah, 2010; Maali, Casson, & Napier, 2006; Najwa Mordhah, 2012; Satkunasingam & Shanmugam, 2004). Malah, pembangunan perakaunan Islam seharusnya bersandarkan kepada teras syariat bagi peraturan urus niaga dan kewangan Islam (Akinyemi & Okoye, 2015; Kamla, 2009; Sivakumar Velayutham, 2014)

Perakaunan Islam terwujud melalui sistem muamalah atau jual beli Islam. Bagi setiap transaksi jual beli, perakaunan mengambil peranan dalam merekodkan setiap transaksi dengan jelas dan betul. Oleh yang demikian, dari sudut pandangan Islam, jual beli membawa maksud menukar sesuatu barangan dengan barangan yang lain yang menurut rukun dan syarat tertentu (Md. Abdul Awwal Sarker, 1999). Jual beli juga boleh ditafsirkan sebagai pertukaran wang dengan barangan yang diinginkan mengikut hukum dan syarat yang telah ditetapkan (Abdullah Jalil, Asharaf Mohd Ramli, &

Syahidawati Shahwan, 2014; Anitha Roslanda & Joni Tamkin Borhan, 2013; Mohd Khairul Nizam, Mahmud Ahmad, Mohd Yusuf Ismail, Adnan Mohamed Yusoff, & Mardiana Mat Ishak, 2014a). Setelah akad jual beli dilaksanakan secara sah mengikut hukum jual beli, barangan yang dijual menjadi milikan pembeli dan wang yang dibayar menjadi pengganti harga barang yang dimiliki oleh penjual (Md. Abdul Awwal Sarker, 1999).

Secara amnya, transaksi perniagaan bermula sejak zaman Rasulullah SAW dan sebelum tempoh tersebut (Abdullah Jalil et al., 2014; Anitha Roslanda & Joni Tamkin Borhan, 2013; Atikullah Hj Abdullah, 2005; Md. Abdul Awwal Sarker, 1999; Omar Abdullah, 2000). Permulaan pembangunan sejarah perakaunan Islam bermula dengan transaksi perniagaan termasuk barang dagangan (Dhar & Akhan, 2010; Napier, 2009; Yayla, 2011). Oleh itu, jual beli dan hutang kewangan merupakan sebahagian elemen dalam perniagaan. Transaksi perniagaan merupakan satu catatan rasmi yang perlu direkodkan bagi mengetahui kedudukan hutang yang perlu dijelaskan oleh penghutang (Ahmed Alim, 2012). Semua catatan perlu direkodkan dengan nyata dan jelas bagi memperoleh jumlah hutang tersebut (Nora'inan Bahari, 2014).

Sistem perakaunan berteraskan Islam menuntut agar jual beli tersebut perlu direkodkan dan dikemas kini maklumat tentang transaksi yang dilakukan bagi mengetahui kesahihan dan jumlah hutang yang perlu dijelaskan oleh penghutang (Abdullah Jalil et al., 2014; Atikullah Hj Abdullah, 2005; Mohd Khairul Nizam et al., 2014a). Oleh yang demikian, urus niaga yang berlaku secara tidak langsung akan membawa kepada proses merekodkan transaksi pendapatan, perbelanjaan, ekuiti pemilik dan liabiliti dengan

terperinci. Setiap transaksi memerlukan catatan bagi memastikan kebenaran, kepastian, keterbukaan dapat dilaksanakan (Ahmed Alim, 2012; Eltegani, 1994; Namaghi, Azarberahman, & Azarberahman, 2012). Ia juga menjadikan sesuatu urusan lebih sistematik dan menjadikan semua pihak yang terlibat bersifat amanah dan bekerjasama untuk kejayaan semua urusan mereka (Rochiana Ayu & Norakma, 2011).

Secara amnya, perakaunan Islam ini merupakan sebahagian daripada ajaran Islam dan diawasi oleh sistem syariat dan akidah yang menjadi asas kawalan dalaman bagi memastikan sistem perakaunan yang adil dan telus yang dapat menjamin keharmonian hidup (Hamid, Craig, & Clarke, 1993; Shahul Hameed, 2001). Dalam konteks kerajaan, perakaunan Islam memainkan peranan penting bagi mengawasi polisi, program, perbelanjaan dan pendapatan negara termasuklah penentuan dan pengurusan harta zakat, wakaf dan pengurusan Baitulmal Mal secara berkesan (Dhar & Akhan, 2010).

1.2.2 Perkembangan Perakaunan Islam di Malaysia

Selaras dengan ini, pembentukan konsep perakaunan Islam perlu selari berpaksikan al-Qur'an, Sunah, *Ijma'* dan *Qiyas* (Gambling & Karim, 1986; Haniffa, 2002; Lewis, 2001). Pembentukan konsep perakaunan Islam perlulah berdasarkan kepada teras falsafah iaitu *tasawur*, ontologi, epistemologi dan aksiologi Islam yang juga menjadi sumber ilmu bagi pembangunan dan pembentukan etika, sosial, nilai murni dan perundangan jenayah dan sivil yang berteraskan Islam (Lewis, 2001, 2006).

Walau bagaimanapun, dari segi pelaksanaan merekodkan sistem transaksi pendapatan, perbelanjaan, ekuiti pemilik dan liabiliti terdapat beberapa persoalan tentang

kepenggunaan dan sistem piawaian perakaunan yang diguna pakai (Agbodjo, Toumi, & Hussainey, 2021; Ahmed, Tajul Ariffin, Karbhari, & Shafii, 2019; Mirza & Baydoun, 1999).

Di Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merupakan Badan Berkanun tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1, berkaitan piawaian perakaunan yang perlu diterima pakai. MAIN menggunakan piawaian mengikut garis panduan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan garis panduan Jabatan Audit Negara Malaysia. Penetapan piawaian perakaunan berdasarkan *Malaysia Private Entity Reporting Standards* (MPERS) dan bertukar ke Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) diselaraskan oleh MASB. Kedua-dua garis panduan ini dijadikan asas dan dimodifikasi dengan membuang perenggan tertentu bagi menyesuaikan dengan sistem merekodkan maklumat urus niaga Islam (Malaysian Accounting Standards Board, 2012). Kedua-dua garis panduan yang dikeluarkan ini menjadi rujukan pihak MAIN dalam merekodkan transaksi pendapatan, perbelanjaan, ekuiti pemilik dan liabiliti bagi institusi Islam yang lain seperti zakat, wakaf dan Baitulmal (Norazlina Abdul Wahab & Abdul Rahim Abdul Rahman, 2011; Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa, 2010).

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) berkuasa dalam pengurusan, pengutipan dan pembahagian agihan wang bagi zakat, wakaf dan Baitulmal. Walau bagaimanapun, sebagai contoh, melalui kepesatan pembangunan institusi pengurusan Islam, MAIN menghadapi pelbagai cabaran dalam merekodkan transaksi pendapatan, perbelanjaan, ekuiti pemilik dan liabiliti untuk wakaf (Ahmad & Hasan, 2017; Che Azmi & Hanifa,

2015). Begitu juga yang dihadapi oleh institusi zakat dan Baitulmal dalam merekodkan transaksi kewangan Islam. Apabila transaksi menjadi kompleks, piawaian perakaunan yang berasaskan konvensional tidak dapat menjadi kayu pengukur dan menunjukkan ketepatan terhadap transaksi yang berlaku (Yaacob & Nahar, 2017). Sebagai contoh, nilai harta wakaf yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan hendaklah disusut nilai berdasarkan kadar perakaunan yang berteraskan konvensional. Namun, mengikut hukum syariah, harta tersebut tidak disusut nilai kerana harta tersebut bukan merupakan kepunyaan MAIN. Malah, harta itu merupakan amanah di bawah pengawasan MAIN bagi melaksanakan aktiviti untuk menjana kebajikan dan sosioekonomi umat Islam di Malaysia (Ahmad & Hasan, 2017)

Secara khusus, pembentukan konsep perakaunan menjadi asas dalam membentuk rangka kerja iaitu peraturan asas perakaunan. Rangka kerja ini menjadi keperluan bagi membentuk piawaian iaitu garis panduan terhadap setiap item aset, liabiliti dan ekuiti pemilik untuk diguna pakai secara selari bagi perakaunan Islam dalam entiti Islam mahupun negara Islam. Dari sudut pembangunan piawaian perakaunan, MASB bertanggung jawab merangka dan meluluskan semua peraturan yang berkaitan dengan piawaian perakaunan di Malaysia (Malaysian Accounting Standards Board, 2015a).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa persoalan tidak dapat diselesaikan mengikut perakaunan yang berdasarkan konvensional, contohnya, isu berkaitan dengan penggunaan nilai saksama; pentakrifan harta, liabiliti dan ekuiti; penaksiran mengenai elemen ketidakpastian dalam menentukan kadar sesuatu instrumen kewangan dan isu syariah yang berkaitan kewangan Islam (Ahmed et al., 2019; Akbar, 2017; Alhabshi,

Agil, & Ahmed, 2018; Alhabshi, Rashid, Khadijah Syed Agil, & Ahmed, 2017). Merujuk kepada isu ini, MASB menyatakan bahawa isu berkaitan piawaian dan syariah berada di luar bidang kuasa mereka (Malaysian Accounting Standards Board, 2015a). Oleh itu, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) diberi mandat untuk meneliti dan mengenal pasti keperluan piawaian perakaunan mengikut kepatuhan syariah bagi institusi pengurusan Islam di Malaysia.

Secara telusnya, MASB mendakwa Peruntukan Piawaian Perakaunan Islam tidak diperlukan bagi urus niaga dan hutang Islam (Malaysian Accounting Standards Board, 2015a). Peruntukan Piawaian Perakaunan Islam memberi panduan tentang bagaimana piawaian perakaunan telah diluluskan itu digunakan bagi menjelaskan segala urus niaga berteraskan Islam (Malaysian Accounting Standards Board, 2011b, 2015a). Namun, MASB tidak membuat apa-apa pengesahan aktiviti entiti ke Lembaga Kepatuhan Syariah, melainkan apabila diperlukan (Malaysian Accounting Standards Board, 2015a). Maka dengan penjelasan ini, secara kasarnya dapat dilihat bahawa konsep perakaunan masa kini berdasarkan urus niaga yang melibatkan zakat, wakaf dan Baitulmal menggunakan konsep perakaunan piawaian MPSAS yang berlandaskan konvensional iaitu terdapat percanggahan antara asas tunai dan akruan mengikut perspektif Islam.

Daripada lompang dalam pembangunan perakaunan Islam, kajian penyelidikan ini dilakukan bagi membentuk konsep perakaunan Islam yang berteraskan perspektif Islam. Secara khusus, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti kaedah penentuan konsep perakaunan Islam yang diguna pakai oleh institusi yang berteraskan Islam di

Malaysia dan menganalisis kaedah pembentukan perakaunan Islam dari empat (4) aspek falsafah yang penting, iaitu *tasawur*, ontologi, epistemologi dan aksiologi Islam. Penganalisan konsep perakaunan Islam dilaksanakan bagi menilai dan mencari rumusan mengenai pembangunan kaedah pembentukan konsep perakaunan Islam di Malaysia. Melalui kajian ini, pihak institusi pengurusan Islam seperti zakat, wakaf dan Baitulmal boleh dapat mengguna pakai konsep perakaunan Islam sebagai rujukan dan panduan dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul daripada kekangan kepenggunaan piawaian perakaunan berdasarkan MPERS² (Ahmad Zamri Osman et al., 2017; Hairunnizam Wahid et al., 2018). Secara amnya, dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh MASB, kepentingan perakaunan Islam yang tersendiri tidak diperlukan buat masa kini di Malaysia. MASB berpendapat sekiranya terdapat perbezaan atau kemusykilan berkaitan perakaunan yang melibatkan transaksi perniagaan dan kewangan Islam, rujukan kepada Jawatankuasa Syariah dapat dilakukan bagi menyelesaikan hal tersebut. Kenyataan yang dikeluarkan oleh MASB tersebut adalah seperti di bawah:

"Kami tidak merasakan bahawa terdapat **apa-apa kehendak perakaunan yang diterbitkan oleh MASB yang melanggar Syariah**. Walau bagaimanapun, dalam keadaan yang amat jarang berlaku iaitu terdapat satu larangan Syariah terhadap keperluan dalam MASB piawaian perakaunan yang diluluskan, keperluan yang tidak perlu dipatuhi dengan, dan MASB akan berusaha untuk mengeluarkan panduan alternatif. "

(Malaysian Accounting Standards Board, 2015a)

² *Malaysia Private Entity Reporting Standards* (MPERS) merupakan rangka kerja pelaporan kewangan berdasarkan *International Financial Reporting Standards for Small and Medium Enterprises* ("IFRS for SMEs") yang dikeluarkan oleh IASB pada tahun 2009. MPERS menggantikan kepenggunaan *Private Entity* yang sedia ada. MPERS dicadangkan kepenggunaannya sebelum atau selepas 1 Januari 2017.

Tindakan MASB dilaksanakan kerana *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) hanya mengeluarkan piawaian transaksi perakaunan bagi institusi kewangan Islam (Malaysian Accounting Standards Board, 2015a). Secara lebih terperinci, AAOIFI menetapkan perakaunan, pengauditan, tadbir urus, etika dan piawaian Syariah hanya untuk institusi kewangan Islam. Walaupun AAOIFI merupakan perintis dalam penetapan piawaian Islam, MASB bimbang bahawa piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh AAOIFI mungkin tidak bersesuaian dengan rangka kerja konseptual MASB untuk piawaian perakaunan yang telah diluluskan (Malaysian Accounting Standards Board, 2015a). Oleh itu, MASB tidak meluluskan piawaian perakaunan kewangan AAOIFI untuk digunakan oleh entiti di bawah bidang kuasanya (Malaysian Accounting Standards Board, 2015a).

Pertimbangan yang tidak konsisten antara MASB dan AAOIFI, membawa kepada percanggahan dalam pilihan perakaunan Islam dan yang asas daripada asas-asas falsafah Islam yang menyatakan standard global untuk transaksi Islam. Ketidaksamaan penggunaan piawaian perakaunan Islam antara MASB dan AAOIFI akan membawa kepada kegagalan dalam mengharmonikan piawaian perakaunan Islam di negara-negara Islam di peringkat global (Asian-Oceanian Standard-Setters Group, 2015). Berdasarkan kepada hal ini, bahagian seterusnya menjelaskan permasalahan isu secara lebih terperinci dalam bahagian pernyataan masalah kajian.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Islam mengiktiraf aktiviti yang berlandaskan kepada pergantungan dan penyembahan kepada Tuhan yang satu yang menakluki sekalian alam (Hamid et al., 1993; Haniffa, 2002; Omar Abdullah, 2000; Shahul Hameed, 2001). Hal ini terkait dengan perakaunan Islam daripada segi nilai etika dan moral yang harus diberikan penekanan terhadap penyediaan pelaporan kepada pengguna bagi menepati ketelusan dan integriti pelaporan (Masruki, Hussainey, & Aly, 2018; Mulawarman & Kamayanti, 2018b; Sayyadi Tooranloo & Azizi, 2018; Syed Othman Alhabshi & Aidit Ghazali, 1994)

Perakaunan Islam merujuk kepada perlakuan dan tindakan merekodkan urusan niaga pendapatan, perbelanjaan, ekuiti pemilik dan liabiliti berteraskan Islam dalam membuat keputusan (Mohd Zain & Amanullah, 2018). Pengguna kepada perakaunan Islam ini merujuk kepada pihak pelaku yang merekodkan urusan niaga yang berlaku, kerajaan, pemegang saham, pemegang taruh, pemiutang, penghutang dan pihak yang berkepentingan terhadap pelaporan kewangan (Di Bella & Al-Fayoumi, 2016; Tessema, Garas, & Tee, 2017).

Transaksi dan urusan niaga sistem hutang Islam berkembang secara global terutama terdapatnya transaksi yang melibatkan pendapatan, perbelanjaan, ekuiti pemilik dan liabiliti (Asutay, 2007; Taheri, 2003). Secara tidak langsung, perkembangan ekonomi ini, sistem perakaunan Islam akan membangun sejajar dengan kepesatan pasaran ekonomi yang melibatkan transaksi kewangan dan pelaburan Islam (Alqahtani & Mayes, 2018; Asutay, 2007). Perakaunan Islam yang patuh Syariah perlu memenuhi

empat elemen iaitu menghindari ketidaktentuan nilai, tidak termasuk unsur perjudian, menghindari riba dan tidak mengambil kira komoditi yang berunsurkan haram iaitu perdagangan produk yang berasaskan kepada khinzir dan alkohol (Yusuf Al-Qardhawi, 1999b).

Di Malaysia, perakaunan yang diguna pakai masih lagi menjurus kepada kepenggunaan nilai saksama dan kadar faedah yang berteraskan kepada nilai yang munasabah (Mohammed, Mohd Fahmi, & Ahmad, 2019; Wahyuni, 2017). Namun begitu, penetapan kadar faedah dalam urusan transaksi setiap item berbeza, contohnya, kadar faedah pajakan atau kadar faedah sewa beli berbeza dalam pengiraan perakaunan di Malaysia (Malaysian Accounting Standards Board, 2015a). Oleh yang demikian, konsep perakaunan Islam yang berteraskan kepada ketidakpastian (*gharar*) dan penetapan kadar faedah perlu diperhalusi bagi merekodkan sistem perakaunan yang jelas dan adil menurut Islam (Mohd Khairul Nizam et al., 2014a; Sain, Rahman, & Khanam, 2016, 2018)

Dewasa kini, konsep perakaunan Islam yang berdasarkan kepada konvensional diguna pakai bagi memenuhi keperluan dan cabaran global mengikut pengiktirafan *International Accounting Standard Board (IASB)* (Shahul Hameed, 2000, 2001). Isu yang timbul daripada perkembangan perakaunan konvensional merujuk kepada rangka kerja berdasarkan pemikiran falsafah universal yang didominasi oleh ajaran agama Kristian dan ini perlu digantikan dengan rangka kerja dan asas yang berteraskan Islam (Gambling & Karim, 1986; Tomkins & Karim, 1987).

Sementara itu, konsep perakaunan konvensional menggunakan sistem kapitalis yang berteraskan kepada pemikiran *Adam Smith* dalam menentukan falsafah dalam pembentukan konsep piawaian sedia ada (Bryer, 2012, 2013; Hidayah, Lowe, & Woods, 2019). *Financial Accounting Standard Board* (FASB) telah menjelaskan bahawa pemikiran falsafah *Adam Smith* diguna pakai dalam pembentukan konsep piawaian perakaunan Barat (Accounting Procedure Committee, 1953; Miller, Redding, & Bahnson, 1998). Malah, pemikiran berteraskan kepada memaksimumkan keuntungan diadaptasi dan dimodifikasi dalam membentuk piawaian perakaunan di Malaysia yang secara jelasnya tidak bersesuaian dalam pembangunan konsep perakaunan Islam yang mana menekankan kepada kebajikan sosial untuk perkongsian dan pembangunan ummah (Hidayah et al., 2019; Omar Abdullah, 2000; Shahul Hameed, 2000, 2001; Shahul Hameed Mohd. Ibrahim & Rizal Yaya, 2005). Perbincangan mengenai konsep perakaunan Islam perlu berpaksikan akar umbi melalui perbincangan teras falsafah dari sudut Islam (Mohammed et al., 2019; Mulawarman & Kamayanti, 2018b).

Kedua, bahagian realiti menjelaskan mengenai isu yang penting adalah berkaitan dengan tatacara dan prosedur perakaunan dalam merekodkan pendapatan, perbelanjaan, ekuiti pemilik dan liabiliti bagi institusi wakaf, zakat serta yang melibatkan institusi kewangan Islam seperti Majlis Agama Islam dan Baitulmal untuk setiap negeri (Muhammad Akhyar Adnan & Nur Barizah Abu Bakar, 2009). Di Malaysia, *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB)³, iaitu badan ini memantau dan meluluskan

³ Dalam bahasa Inggeris, Lembaga ini dikenali sebagai *Malaysian Accounting Standards Board*, atau dengan singkatan MASB. MASB ini telah ditubuhkan di bawah Akta Pelaporan Kewangan (1997),

piawaian perakaunan di Malaysia. Lembaga Piawaian Perakaunan ini bertindak sebagai penguasa undang-undang dalam hal yang berkaitan dengan perakaunan yang termaktub di bawah Akta Pelaporan Kewangan 1997 (Malaysian Accounting Standards Board, 2012, 2015a).

Bagi perakaunan zakat, wakaf dan baitulmal, kajian lepas tertumpu pada pembangunan piawaian perakaunan Islam kerana terdapat perbezaan dalam penggunaan MPERS dan MPSAS yang berbeza di antara institusi Islam (Hairunnizam Wahid et al., 2018), pembangunan perakaunan dan pelaporan bagi MAIN berdasarkan kepada kelulusan piawaian perakaunan (Nori Yani Abu Talib, Radziah Abdul Latiff, Aini Aman, & Mohd Rizal Palil, 2018), penilaian konsep pendapatan, perbelanjaan dan liabiliti dalam perakaunan zakat, wakaf dan baitulmal (Marina Abu Bakar, 2018), perakaunan zakat terhadap manfaat (Zahri Hamat, 2017). Ketidakselarasan bahagian ideal dan realiti berpunca daripada kepenggunaan adaptasi dan modifikasi piawaian perakaunan Barat dalam pembentukan konsep perakaunan Islam (Hairunnizam Wahid et al., 2018).

Di Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) menggunakan piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia iaitu *Private Entity Reporting Standards* (PERS)⁴ dan garis panduan amalan terbaik oleh Jabatan Audit Negara Malaysia. Walau bagaimanapun, MAIN mula menghadapi masalah dalam merekodkan transaksi berkaitan wakaf apabila inisiatif pembangunan harta wakaf mula

sebagai sebuah pertubuhan bebas yang bertujuan membangunkan dan menangani isu berkenaan pelaporan kewangan di Malaysia.

⁴ Perbezaan antara penggunaan MPERS, MPSAS dan PERS berlaku kerana tiada piawaian perakaunan Islam yang selaras dan sama untuk digunakan oleh institusi Islam di Malaysia seperti baitulmal, zakat dan wakaf.

berkembang. Transaksi urusan kewangan Islam menjadi lebih kompleks dan piawaian perakaunan yang digunakan berasaskan konvensional tidak dapat menggambarkan transaksi yang berlaku contohnya seperti merekodkan sukuk dan mudarabah bagi sesebuah institusi kewangan Islam (Hairunnizam Wahid et al., 2018).

Mengikut pandangan Islam, penekanan diberikan terhadap hubungan hamba-Nya dengan Pencipta, perhubungan antara manusia dengan manusia yang lain serta perhubungan di antara manusia dengan alam sekitar (Haniffa, 2002). Ia melibatkan pergantungan antara manusia melalui “*hablum minallah, hablum minannas*”, manusia digalakkan untuk bertanggungjawab ke atas perhubungan antara manusia dan Allah SWT, Tuhan yang Esa yang mencipta sekalian alam (Askary & Clarke, 1997; Haniffa, 2002).

Bagaimanapun, MASB mengambil pendekatan untuk mengguna pakai piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh *International Accounting Standards* (IAS) sebagai peraturan dan garis panduan perakaunan di Malaysia (Malaysian Accounting Standards Board, 2012). MASB berpendapat bahawa prinsip dan teras falsafah perakaunan Islam yang dibangunkan di Malaysia akan menerima pakai konsep berasaskan ciri-ciri dan norma umum yang universal yang dinyatakan dalam *Standard Financial Accounting Committee 8* (SFAC 8) (Financial Accounting Standard Board, 2010). Konsep asas perakaunan nilai dikekalkan kerana MASB berpendapat bahawa ciri tersebut diterima pakai sebagai ciri-ciri dan norma umum yang universal (Malaysian Accounting Standards Board, 2015a).